

Y.A.B. Dato Ketua Menteri Sarawak,  
(Dato Abdul Rahman bin Haji Yaakub)

Y.B. Timbalan Ketua Menteri Sarawak,  
(Tuan Stephen Yong)

Y.B. Menteri Kebajikan Sarawak,  
(Tuan Penghulu Abok anak Jalin)

Y.B. Dato2,  
Tuan2 dan Puan2 sekalian,

UCHAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN 'AM  
MALAYSIA DI-KELAB KELUARGA TENTERA  
DI-KEM SEMENGGOK PADA 29HB. JUN,  
1972 PUKUL 12.30 TENGAHARI

Saudara2 sekalian,

Saya bershukor kapada Allah subhanahuwa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-nya, saya telah selamat sampai ka-Kem Semenggok ini, dan dapat bertemu pula dengan saudara2 sekalian.

Saya sunggoh berasa gembira kerana dapat bertemu sendiri dengan saudara2 sekalian di-Kem ini, sambil meninjau keadaan saudara2 di-sini. Saya uchapkan terima kaseh kapada saudara2 sekalian kerana sudi menerima kedatangan saya ka-Kem ini.

Saudara2 sekalian,

Saya faham saudara2 sekalian telah meninggalkan kampong halaman dan saudara mara jauh di-Malaysia Barat untuk mengikuti suami masing2 yang di-tugaskan mempertahankan kedaulatan negara kita di-Malaysia Timor ini. Kerana suami dan negara-lah, saudara2 sekalian telah sanggup berpisah ka-tempat baru dan tinggal di-tempat2 baru yang jauh dari kampong halaman. Kerana suami dan negara juga-lah saudara2 sekalian telah sanggup menempoh segala kesulitan2 dengan penoh kesabaran dan kecekalan hati masing2.

Pengorbanan saudara2 ini sangat-lah besar arti-nya terhadap negara kita yang sedang di-ancham oleh kominis. Suami saudara2 sebagai perajurit berkewajipan mempertahankan setiap inchi tanah negara kita daripada di-chabul, dan di-duduki oleh musoh negara ia-itu kominis, tidak kira samada di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor,

Kita sekalian jangan-lah menganggap Negeri Sarawak dan Sabah berlainan atau berasingan dari lain2 Negeri di-Malaysia Barat. Kita perlu-lah mengikis sebarang pendapat yang membeza2kan antara barat dan timor.

Bagi kita semua, negara kita Malaysia ada-lah satu, di-bawah satu bendera, dan di-bawah satu kepala negara ia-itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Kapada Baginda-lah kita semua churahkan ta'at setia kita yang tidak berbelah bagi.

Di-dalam keadaan negara di-ancham oleh musoh, seperti yang wujud sekarang ini, setiap ra'ayat yang ta'at setia kapada Raja dan Negara ada-lah di-kehendaki menunaikan peranan masing2 bagi menghapuskan musoh2 itu. Tanggongjawab ini bukan-lah semata2 terletak kepada bahu perajurit sahaja, bahkan kapada semua ra'ayat jelata sekalian, termasok-lah saudara2 sendiri sebagai isteri perajurit2.

Saya berharap semasa tinggal di-tempat ini saudara2 sekalian akan dapat berchampor gaul dengan pendudok2 tempatan sambil bertukar2 fikiran dengan mereka. Saudara2 boleh mengator atau menjalankan kegiatan2 yang boleh merapatkan lagi perhubungan mesra dan muhibbah di-antara pendudok2 tempatan dengan saudara2. Ini boleh di-lakukan melalui kelas2 ekonomi rumah tangga, kerja2 kebajikan sukarela dan lain2 lagi.

Sekian sahaja, dan saya Sudahi dengan uchapan berbanyak2 terima kaseh.